



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL | TAJUK KERJA   |
|-----|---|
| 1   | No. Sebutharga : <b>MPK/JK 600-13/1/32(2020)</b><br><b>KERJA-KERJA PEMBEKALAN KONTRAK TAHUNAN ALAT GANTI / AKSESORI LAMPU BANGUNAN BAGI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2020</b> |

| TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN  | TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)   | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL   | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP  |
|---|---|--|---|
| <p><b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) &amp; KOD BIDANG 140301 @ 140302 &amp; 140502 @ 140503 &amp; BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR &amp; UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</b></p> | <p><b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b></p> <p><b>TARIKH : 06/03/2020 (JUMAAT)</b><br/> <b>MASA PENDAFTARAN : 9.00-9.30 pg</b><br/> <b>MASA TAKLIMAT : 9.30 pg</b><br/> <b>TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana.</b></p> <p><b>Nota :</b><br/> <i>Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada syarikat yang menghadiri taklimat / lawatan tapak sahaja.</i></p> | <p><b>MULAI : 10/03/2020 (SELASA)</b><br/> <b>Penjualan secara online</b></p> <p><b>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</b></p> | <p><b>TARIKH TUTUP : 16/03/2020 (ISNIN)</b><br/> <b>JAM : 12.00 TENGAH HARI</b><br/>           Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber)<br/>           Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang<br/>           Selangor Darul Ehsan<br/> <b>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b></p> |

**SYARAT-SYARAT :-**

1. Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga **RM 150.00** secara online. Pembayaran boleh dibuat secara Fpx, kredit kad atau debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **10 MAC 2020** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **MOF**. Sekiranya gagal berbuat demikian Penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.
4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di atas.
5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Kementerian Kewangan (MOF)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **6 MAC 2020** jam 9.00 - 9.30 pagi di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebutharga.
9. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Kementerian Kewangan (**MOF**), **kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari
10. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
11. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **15 MAC 2020**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN UKUR BAHAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**